

02 JUL 2003

ANUGERAH-HIBISCUS/I

TIGA PKS ANTARA 25 SYARIKAT PERINGKAT KEDUA ANUGERAH HIBISCUS PM

KUALA LUMPUR, 2 Julai (Bernama) -- Tiga Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan 22 syarikat layak memasuki peringkat kedua pemilihan Anugerah Hibiscus Perdana Menteri bagi 2002-03.

Anugerah itu ialah bagi syarikat yang melaksanakan langkah alam sekitar terbaik dalam operasi harian masing-masing.

Dalam peringkat pertama, penilaiannya menunjukkan kenaikan keseluruhannya pengurusan alam sekitar oleh kesemua peser, kata satu kenyataan Sekretariat Anugerah di Dewan Perniagaan dan Industri Antarabangsa Malaysia (MICCI).

Anugerah itu menarik penyertaan 39 syarikat.

Mengikut sektor industri, sembilan daripada 25 yang disenarai pendek itu adalah dari elektrik dan elektronik, lima kimia, lima petroleum dan petrokimia, empat hotel dan peranginan, satu separa konduktor dan satu kilang penapis minyak sawit.

Pengerusi jawatankuasa penganjur, Datuk Kok Wee Kiat berkata, profil syarikat yang menyertai anugerah itu menunjukkan campuran yang sihat.

"Kami berharap menarik sektor perniagaan menyertai anugerah dua tahun sekali itu," katanya.

Beliau hairan enam daripada peserta yang mendapat akreditasi ISO 14001 tidak berjaya ke peringkat kedua.

Lima daripada mereka yang berjaya itu adalah dari Pulau Pinang, empat Selangor, masing-masing tiga dari Johor, Sabah dan Trengganu, dua dari Pahang, dan masing-masing satu Labuan, Negeri Sembilan, Kedah, Perak dan Sarawak.

Lima daripada 45 peserta asal menarik diri sebelum mengemukakan soalan bertulis meliputi sembilan bidang pengurusan alam sekitar.

Penganjur bersama anugerah itu, yang menjadual persembahannya dalam Dis, termasuk Majlis Perniagaan Pembangunan Mampan (BCSDM), Persatuan Pengurusan Alam Sekitar dan Penyelidikan Malaysia (Ensearch) dan Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysian (FMM). -- BERNAMA

SHO TJK AHM